

# SLDB laksana pelan lima tahun

**Alex Ong**

**KOTA KINABALU:** Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) telah memulakan pelan lima tahun untuk menjadikan ia agensi kerajaan terbaik dalam industri berasaskan makanan di Sabah, kata Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Yassin (**gambar**).

Abdul Ghani, yang juga Adun Nabawan, berkata: "SLDB adalah satu badan berkanun di bawah Jabatan Ketua Menteri yang diamanahkan untuk melaksana program pembangunan luar bandar di Sabah dan membangunkan tanah negari, khususnya pembangunan tanah dan skim penempatan semula.

"Visi kami adalah untuk menjadi pemangkin dan agensi kerajaan terbaik dalam industri berasaskan makanan di Sabah dengan fokus utama untuk mengubah dan menambah baik kesejahteraan dan meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar, khususnya kepada 6,575 pemegang taruh atau peneroka di bawah skim-skim kami.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, kami juga akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kedudukan kewangan kumpulan SLDB," katanya.

Abdul Ghani, yang berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi SLDB dari Jun 2004 hingga Ogos 2014, berkata beliau



juga merancang untuk mengoptima dan meningkatkan hasil untuk membayar dividen lebih baik kepada pemegang-pemegang taruhnya.

"SLDB juga tidak melupakan peranannya dalam membantu menghapuskan kemiskinan dan kerana itu, kami akan memastikan kesejahteraan pemegang taruh kami dijaga dan pendapatan mereka berada di atas garis kemiskinan.

"Saya juga mahu memastikan semua anak syarikat SLDB adalah progresif, inovatif, mampu diri dan menguntungkan," katanya.

Abdul Ghani berkata pengurusan semasa SLDB telah melakukan penambahbaikan besar dalam tempoh kurang tiga tahun.

"Apapun, ada beberapa perkara yang perlu terus diperbaiki dan masih ada ruang untuk penambahbaikan. Perkara seterusnya adalah untuk memberi strategi baharu kepada teras perniagaan agar mampu diri dan dapat memenuhi piawaian industri dan jangkaan Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata SLDB distruktur untuk bersaing dengan agensi-agensi lain dalam program pembangunan tanah luar bandar tanpa menjejaskan mandat bertindih dan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri.

"SLDB tahu kepentingan mempelbagaikan aktiviti projek sosionya untuk kekal relevan dan menyumbang kepada pertumbuhan syarikat. Susulan itu,

SLDB telah mengenal pasti tanaman lain seperti kelapa, nanas dan halia untuk menjana pendapatan lebih baik.

"Kami telah memulakan projek-projek perintis di Papar, Nabawan dan Tenom untuk lada dan kopi. Kami mencari tanaman jangka pendek seperti nanas dan halia untuk ditanam di kawasan-kawasan ini untuk menjana pendapatan tambahan bagi pemegang taruh kami.

"Selain ladang buah-buahan, kami ketika ini turut terlibat dalam pembungkusan beras dan fokus kami adalah untuk membekalkan beras kepada pasaran tempatan," katanya.

Abdul Ghani berkata ada lima program membasmi kemiskinan dalam domain SLDB membabitkan 6,675 peserta dan peneroka. Lima program ini dikenali sebagai:

- i. Program Pekebun Kecil Berkelompok
- ii. Program Pekebun Kecil Terancang
- iii. Sewa Pajak
- iv. Projek Geran Komunal
- v. Mini Estate Sejahtera KPLB

"Program-program ini memberi tumpuan kepada ladang kelapa sawit yang memberi pulangan kepada pemegang taruh. Pada masa sama, ini akan membawa pemodenan infrastruktur seperti jalan dan bangunan, penggunaan baja dan penggunaan benih kelapa sawit berkualiti untuk menghasilkan tuaian maksima.

**Lihat muka 2**

# SLDB laksana PPRT sebagai CSR

## Dari muka depan

"Selain itu, kami telah memulakan satu lagi program 'Aktiviti Ekonomi Tambahan' (AET) yang menumpukan kepada penyediaan pendapatan tambahan kepada peserta dan peneroka terpilih sebagai satu kumpulan. Program ini boleh menjana pendapatan tambahan antara RM300 dan RM800 sebulan kepada mereka.

"Program AET ini akan memberi manfaat kepada pendapatan isi rumah kerana limpahan ekonomi menjana pendapatan dan peluang untuk usahawan masa depan dalam kalangan mereka.

"Kami juga ada Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sebagai satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan kami mensasarkan antara 50 dan 60 unit akan dibaiki setiap tahun. Setakat ini, kami telah melaksanakan 63 unit rumah di Tongod dan Sandakan.

"Program Pembangunan Bersepadu Ekonomi Kampung (Prospek) adalah satu lagi projek mengenai pembangunan holistik sesuatu kawasan khusus yang termasuk tiga komponen utama - ekonomi, perumahan dan infrastruktur.

"Projek ini telahpun bermula sejak tahun lepas di Tongod dan akan memanfaatkan 1,022 peserta dan SLDB akan melaksanakan projek Prospek sama dalam masa terdekat di Kota Marudu dan Nabawan," kata Abdul Ghani.

Beliau berkata sejajar dengan Inisiatif Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025 yang dilancarkan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Noor baru-baru ini, SLDB akan melaksanakan 14 projek yang akan mengambil kira infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

"Projek ini akan memanfaatkan 15,000 orang," katanya. Abdul Gani berkata SLDB akan membantu petani untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dengan lebih berkesan dan akan bermula dengan memperkukuh unit pemasaran SLDB.

"Kami juga merancang untuk membina pusat pengumpulan produk pertanian di Sandakan, Tawau dan Keningau.

"Fungsi utama pusat-pusat pengumpulan ini adalah untuk membantu peserta dan peneroka memasarkan produk-produk pertanian dan berfungsi sebagai pusat pembangunan agropreneur," katanya.

Beliau menambah, SLDB juga akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, khususnya dalam kalangan belia

Sabah dan berharap untuk mengambil bakat-bakat tempatan dan menekankan ke atas anak-anak peneroka atau peserta.

Abdul Ghani berkata untuk memastikan ia mempunyai aliran tunai sihat, SLDB akan melaksanakan sistem kutipan cekap dengan memastikan kutipan cepat daripada kilang, pendapatan dividen dan sumber pendapatan lain.

"Dalam pada itu, usaha-usaha perlu diperhebat untuk mencapai kecekapan kos.

"Ini penting bagi memastikan pembangunan berterusan dapat dilaksana tanpa sebarang ketirisan.

"Ini sejajar dengan tema bajet tahun ini iaitu 'Pembangunan Berterusan, Perbelanjaan Berhemah dan Berintegriti'.

Abdul Ghani berkata SLDB juga mengkaji idea menceburi bidang penanaman pisang Sabah.

"Pisang Sabah berpotensi sebagai sebahagian daripada eksport ke Singapura, Kuala Lumpur dan China. Kita juga boleh menceburi industri hiliran seperti Kerepek Pisang dan sebagainya.

"Mandat yang diberi kepada saya untuk mengemudi SLDB adalah untuk memastikan perjalanan yang lancar ke arah mencapai visi dan misi kami.

"Adalah menjadi aspirasi saya untuk bukan sahaja meningkatkan pendapatan semua peserta, pekebun kecil dan peneroka, tetapi juga menambah baik infrastruktur sejajar dengan Revolusi Industri 4.0.

"SLDB akan bertindak sebagai pemangkin untuk membawa mereka keluar dari garis kemiskinan dan memastikan mereka mendapat manfaat dari pembangunan Sabah di bawah Rangka Tindakan 'Sabah Maju Jaya'.

"Adalah menjadi harapan saya agar pengurusan tertinggi dan kakitangan SLDB akan bekerja sama sebagai sebuah pasukan dengan semangat yang tinggi dan berintegriti untuk membawa SLDB ke tahap lebih tinggi," katanya.

Abdul Ghani berkata pandemik Covid-19 sangat memberi kesan kepada SLDB.

"Tahun lalu, kami hanya mencapai 87 peratus daripada tanaman yang dianggarkan disebabkan penutupan dan kekanangan sesetengah operasi ladang kami.

"Pembangunan kami juga menjunam kepada hanya 55 peratus disebabkan ketidakupayaan untuk memulakan pembangunan. Bagaimanapun, ini tidak akan menghalang kami untuk meneruskan agenda pembangunan kerana kami sekarang dapat mengatasinya dalam memastikan kesan minimum terhadap operasi perniagaan kami," katanya.